

Media Tradisional vs Media Sosial: Satu Tinjauan terhadap Berita Harian

Social Media and Its Impacts on Traditional Media: A Case Study on Berita Harian

Hizral Tazzif Hisham¹, Roslee Ahmad², Nurathirah Mohd Rafi³

| Terima | Wasit | Muat Naik e-Jurnal |
|-------------|---------------|--------------------|
| 11 MAC 2020 | 14 APRIL 2020 | 16 OKT 2020 |

ABSTRAK

Dengan kehadiran media baharu, ianya sedikit sebanyak mengancam kedudukan media tradisional. Industri penerbitan akhbar menunjukkan penurunan dari tahun ke tahun. Ianya amat membimbangkan industri percetakan akhbar. Kajian ini telah dibuat bertujuan untuk mengetahui kesan kehadiran media baharu terhadap pengumpulan berita, kesan kehadiran media baharu terhadap industri penerbitan dan mengkaji penggunaan media baharu dalam kalangan wartawan. Kajian ini menggunakan kaedah temubual secara mendalam bersama Encik Zainudin Mohd Isa merupakan Pengarang Bersekutu Digital, Rencana dan Laporan Khas Berita Harian untuk mendapatkan maklumat terperinci mengenai kes ini. Berdasarkan maklumat yang telah diperolehi, media baharu banyak memberi kesan terhadap media tradisional namun pengarang tidak terlalu fokus untuk meningkatkan kembali pengeluaran akhbar cetak tetapi mengambil langkah untuk mengukuhkan pengeluaran berita melalui media baharu seperti media sosial, facebook, twitter, instagram, whatsapp dan youtube.

Kata kunci: media baharu, media tradisional, industri penerbitan, media sosial

ABSTRACT

Threats over traditional media has been on the rise ever since the new media exist. Since its inception, performance of the Press and printing industry has been declining steadily. As time goes by, it is becoming more persistence. As such, this study, which aimed towards identifying the impact of new media, particularly in news gathering and news publication, was conducted. Other objective include finding the frequency new media usage among journalist. This study uses an in-depth interview method with Berita Harian's Associate Editor for Digital, Feature and Special Report. Based on the information gathered, it can be concluded that the new media had severely impacted the traditional media in many ways. The impact left little options to Berita Harian in its efforts to move ahead. Instead of focussing on improving its printed version, Berita Harian vows to continue strengthening steps towards improving its production via new media and social media platforms, namely facebook, twitter, instagram, whatsapp and youtube.

Keywords: new media, traditional media, publication, social media.

¹ Hizral Tazzif Hisham, Ph.D Komunikasi (UM), Program Komunikasi Media Baharu, USIM. Hizral@usim.edu.my

² Rosli Ahmad, Ph.D (UKM), Program Kaunseling, USIM, Roslee@usim.edu.my

³ Nurathirah Mohd Rafi, Program Komunikasi Media Baharu, USIM. Nurathirah@usim.edu.my

Pengenalan

Awal dan pertengahan kurun ke-20 adalah zaman kegemilangan bagi media tradisional seperti televisyen, radio, akhbar dan majalah, kerana ia adalah sumber utama maklumat pada akhbar dan majalah pula boleh dibeli dengan harga yang murah. Bagaimanapun, kemunculan Internet sekitar tahun 1960-an mengubah landskap media, terutama dengan kehadiran media sosial. Perkembangan media tradisional seperti akhbar dan majalah dipengaruhi oleh mesin percetakan yang dihasilkan oleh Johannas Guttenberg pada tahun 1440. Penciptaan mesin cetak merencanakan proses percetakan akhbar. Walaupun Internet memiliki kebaikan, ia juga membawa keburukan apabila media digital membolehkan akhbar diakses pada bila-bila masa dan di mana sahaja di dunia. Generasi Y dan milenium mula menggemari membaca akhbar atas talian atau menerusi telefon pintar. Selain harga murah, media baharu lebih mesra pengguna. Telefon pintar yang dirangkaikan kepada Internet membolehkan pengguna melayari media sosial seperti Facebook, Twitter dan Instagram. Media sosial memiliki kelebihan kerana bersifat interaktif dan pengguna boleh mengakses maklumat dari seluruh dunia serta memberi maklum balas dengan pantas. Kemunculan generasi bandar dan peningkatan taraf hidup membolehkan mereka memiliki telefon pintar. Telefon pintar bukan lagi barang mewah tetapi sudah menjadi barang keperluan. Pada Pilihan Raya Umum ke-13, 64 peratus pengguna Facebook di Malaysia berumur antara 18 hingga 34 tahun, manakala pengguna Internet di Malaysia berumur antara 15 hingga 34 tahun (Ross Tapsell, 2018). Kini dengan kemampuan teknologi di hujung jari serta jalinan interaktif, pengguna tidak perlu bersusah payah hendak membeli akhbar bercetak lagi. Digital News 2017 melaporkan bahawa Malaysia adalah pengguna terbesar aplikasi Whatsapp iaitu 51 peratus. Laporan itu juga menyebut bahawa Facebook dan Youtube juga popular dalam kalangan generasi Y dan milenium iaitu masing-masing 58 peratus dan 26 peratus manakala WeChat dan Instagram pula masing-masing sebanyak 13 peratus (Azizuddin Mohd Sani, 2018).

Pada 6 Jun 2017, akhbar New Straits Times bertarikh, melaporkan bahawa aplikasi Facebook, Instagram dan Whatsapp adalah antara aplikasi yang popular dalam kalangan pelajar universiti awam mahupun swasta serta digunakan untuk tujuan mencari maklumat, membaca dan berkongsi berita, termasuk berita terkini, kerana kemampuannya untuk menyebarkan berita itu dengan pantas ke seluruh dunia berbanding media tradisional. .

Laporan Reuters Institute Digital News 2016, memetik Nic Newman daripada University Oxford, yang menyatakan bahawa televisyen akan terus memainkan penting kepada generasi tua. Daripada segi peranti, penggunaan telefon pintar sebagai medium untuk mencapai berita akan meningkat, berdasarkan persampelan global (53%), berbanding penggunaan komputer dan komputer tablet yang mencatatkan penurunan dan mendatar. Persampelan global ini agak mengejutkan industri akhbar kerana kemandirian mereka dipertaruhkan. Soalan seperti 'Adakah orang akan membaca akhbar pada masa depan apabila berita dapat disebarkan dengan cepat?' Soalan itu mula berlegar dalam kepala mereka yang terbabit dalam industri ini. Anggapan bahawa peratusan tinggi mereka yang berumur 50-an dan kesukaran untuk mengakses kepada Internet memberi kelebihan kepada media tradisional, boleh ditolak kerana media tradisional amat terancam dan terkesan dengan kehadiran media sosial.

Ancaman itu tidak dapat dielakkan, Revolusi berasaskan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) ini berpusat dengan kemunculan media sosial dan ledakan komputer tablet serta kemunculan pelanggan dan pengguna baru yang ingin sekali terbabit dalam pengumpulan dan pengedaran berita. Bilik berita ditransformasikan dan wartawan perlu bersedia dengan pelbagai kemahiran sebagai respons terhadap transformasi sosial, budaya dan teknologi yang sedang berubah (Alejandro J, 2010)

Latar belakang kajian

Kajian kes yang membabitkan **BH** (dahulu dikenali sebagai *Berita Harian* sebelum dijenamakan semula pada tanggal 2 Julai 2012) dilakukan bagi melihat kesan media baharu terhadap media tradisional, Akhbar ini yang mula diterbitkan pada 1 Julai 1957 dipilih untuk kajian ini kerana ia adalah antara akhbar arus perdana berbahasa Melayu di Malaysia. Menjadi sumber utama maklumat yang murah bagi mendapatkan informasi berkaitan hal ehwal semasa, akhbar ini pernah mencapai zaman kegemilangannya pada tahun 1993 hingga 1996 apabila edarannya mencecah 350,000 naskhah sehari sebelum mengalami kejatuhan pada era reformasi.

Edisi Ahad akhbar ini dikenali sebagai **BH Ahad** (dijenamakan semula pada 1 Julai 2012, ia dikenali sebagai Berita Minggu). Sebelum ini, akhbar itu dicetak dalam format 'broadsheet' sebelum bertukar kepada format kompak pada 5 Julai 2008. Akhbar berkenaan mengalami sekali lagi perubahan pada 1 Julai 2012 dengan menamakan semula seksyen 'Ekonomi' kepada 'Bisnes' dan sisipan 'Ratu' ditukar kepada 'Famili' manakala 'Rona' menjadi 'Kembara'. Perubahan juga membabitkan reka letak, *typography* dan muka surat. Walaupun sudah mempersembahkan imej baru kepada pembaca, laporan Audit Bureau of Circulation Malaysia pada Julai hingga Disember 2017 menunjukkan edaran BH mencatatkan penurunan daripada 91,648 naskhah kepada 69,985 naskhah sehari (www.abcm.org.my).

Pernyataan Masalah

Kemajuan teknologi terutama Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK), bermula daripada mesin cetak, telegraf, radio, akhbar, majalah, televisyen dan sekarang Internet dan media sosial. Media sosial semakin meluas digunakan untuk penyampaian berita kerana ia dapat dikemas kini, diketahui dan dibaca dengan pantas. Telefon pintar misalnya, mempunyai platform yang menyatukan teks, audio, dan video untuk memudahkan capaian. Dengan itu, pengguna boleh mengakses berita terkini pada bila-bila masa di seluruh dunia asalkan ada aplikasi Facebook, Youtube, Instagram dan Twitter.

Evolusi terkini berasaskan teknologi Internet dan digital kini mengambil peranan alih media tradisional. Secara perbandingan, media sosial menyalurkan berita pada masa sebenar sedangkan media tradisional berita pada keesokan hari, menyebabkan senario masa di mana pembaca perlu menunggu keesokan harinya untuk mengetahui berita di seluruh dunia, sudah pun berlalu. Bahkan, pembaca yang menunggu untuk mengetahui berita yang disampaikan keesokan harinya dianggap ketinggalan masa, dan bilangan pembaca sedemikian sudah tidak ramai.

Laporan setengah tahun Biro Audit Pengedaran Malaysia (ABC) pada 2016 mendedahkan, kebanyakan media arus perdana mencatatkan penurunan jumlah edaran berbanding tempoh yang sama tahun sebelumnya. Misalnya, *The New Straits Times* mencatatkan penurunan daripada 62,113 naskhah sehari pada tahun 2015 kepada 44,090 naskhah sehari pada tahun 2016, *Berita Harian* juga mengalami nasib yang sama apabila jumlah edarannya jatuh daripada 106,754 naskhah sehari pada tahun 2015 kepada 90,969 naskhah sehari pada tahun 2016, manakala *Utusan Malaysia* pula mencatatkan kejatuhan daripada 154,776 naskhah sehari kepada 144,438 naskhah sehari dalam tempoh yang sama. Satu-satunya akhbar arus perdana yang mencatatkan peningkatan dalam tempoh yang sama adalah The Star apabila edarannya meningkat sebanyak 2 peratus kepada 248,559 naskhah sehari pada 2016 berbanding 248,411 sehari pada 2015.

Sementara itu, kajian yang dilakukan Persekutuan Antarabangsa Audit Biro Pengedaran (IFABC) melaporkan terdapat arah aliran menurun daripada segi edaran akhbar di seluruh dunia sejak tahun 2011 lagi dan keadaan selepas itu tidak bertambah baik. Walaupun akhbar di 23 negara mencatatkan jumlah edaran sebanyak 123.5 juta naskhah sebulan pada tahun 2011, bilangan itu sebenarnya menurun sebanyak 1.6 peratus atau hampir 2 juta naskhah berbanding tahun 2010. Dengan persaingan sengit antara televisyen dan media atas talian, media cetak tidak mempunyai banyak opsyen selain daripada mengurangkan jumlah edarannya. Oleh itu beberapa persoalan perlu ditanya khususnya punca yang menyumbang kepada kejatuhan jumlah edaran akhbar dan jawapan yang diberikan perlulah rasional.

Persoalan Kajian

- 1) Bagaimana media baharu memberi kesan terhadap proses pengumpulan berita?
- 2) Apakah kesan media baharu kepada penerbitan berita?
- 3) Berapa kerapkah pemberita menggunakan media baharu dalam menjalankan tugas mereka?

Objektif Kajian

Secara umum tujuan kajian ini adalah hendak mengenal pasti sama ada kemunculan media baharu memberikan kesan kepada media tradisional. Secara spesifiknya kajian ini mempunyai objektif seperti di bawah:

- 1- Untuk mengenal pasti kesan media baharu kepada proses pengumpulan berita.
- 2- Untuk mengkaji kesan media baharu kepada penerbitan berita.
- 3- Untuk menilai penggunaan media baharu dalam kalangan pemberita.

Skop Kajian

Kajian ini terhad kepada kesan yang diberikan oleh media sosial terhadap media tradisional. Penyelidik mengkaji kesan kepada media tradisional, sama ada positif atau negatif, bagi mencari jawapan bagi membantu meningkatkan edaran akhbar.

Signifikan Kajian

Kajian ini dilaksanakan untuk mengetahui kesan media baharu terhadap media tradisional dengan fokus kepada industri akhbar. Akhbar tidak mungkin dapat mengejar media sosial segi kepantasan dan audien kerana berita yang dilaporkan hanya akan terbit keesokan harinya.

Landskap media dipengaruhi oleh kehendak dan selera pembaca. Antara perubahan fundamental yang dituntut oleh pembaca adalah akauntibiliti. Kerajaan diminta bersikap telus, agar ia terus relevan kepada pembaca. Dalam keadaan sekarang, dengan adanya kemajuan TMK, organisasi media dituntut agar tidak melaporkan berita berat sebelah dan tidak beretika ketika bersaing. Kebanyakan portal berita seperti The Economist, CNN, Aljazeera, Channel News Asia, South China Morning Post, Jakarta Post, Business Times Singapore, Astro, dan

Malaysiakini, sudah mempunyai berita terkini dan rencana yang boleh dicapai pada bila-bila masa dan di mana saja.

Platform Internet kini mampu beroperasi 24/7 dan mendedahkan wartawan warga untuk menerbitkan sendiri berita, tanpa terikat dengan organisasi media, serta menggalakkan perdebatan yang sihat dalam ruang siber. Pembaca kini tidak lagi bergantung media tradisional. Misalnya ketika Pilihan Raya Kecil berlangsung pada bulan Mac 2008, media tradisional lambat menyiarkan keputusannya berbanding media sosial menyebabkan pembaca kecewa kepada media tradisional (Ross Tapsell, 2018). Bagi meningkatkan kemampuan petugas-petugas media, tahap professional perlu ditingkatkan dengan bengkel dan latihan berterusan.

Sorotan Susastera

Kemunculan media baharu adalah akibat daripada kemajuan asas Teknologi Media dan Komunikasi (TMK). Menurut McQuail (2001) platform yang menjadi asas kepada kemajuan komunikasi TMK adalah hasil inovasi satelit dan komputer.

Kemunculan media baharu itu dialu-alukan oleh pengguna apabila mereka dapat memberi maklum balas terhadap komunikasi dengan cepat. Namun terdapatnya sisi gelap bagi pengguna apabila maklumat bertukar menjadi berita palsu. Daripada Indymedia hingga ke masa depan BBC, perbezaan antara penerbit maklumat dan pengguna agak sukar untuk ditetapkan (Creeber dan Martin, 2009; Bennett, 2003). Seperti mana dialami oleh penduduk dunia, pengupayaan yang ditawarkan oleh sistem jaringan rangkaian teragih dan komunikasi digital mampu dikongsi secara ekstensif. Keadaan ini menyebabkan perlu ada pengubahsuaian dalam teori hegemoni.

Daripada perspektif jangka panjang, pengaliran maklumat sukar dijangka. Di satu pihak, media massa mungkin sukar untuk mengampang standard berita yang mengalir kerana kandungan interaktif yang dihasilkan oleh amatir. Di satu sisi lain, rakyat biasa yang sudah diupayakan mampu mendedahkan pengalaman peribadi mereka tanpa kompromi standard yang tinggi terhadap kualiti maklumat dan nilai masyarakat. Dalam jangka masa panjang, kecenderungan ini menjadi revolusi terhadap persekitaran media (Bennett, 2003).

Untuk meneroka perbezaan antara media tradisional dan media baharu, anda perlu mengetahui perbezaan teknikal antara keduanya (Brydon, 2011). Media arus perdana kebanyakannya berpusat, memerlukan pelaburan yang besar termasuk sumber manusia, dipengaruhi oleh polisi kerajaan serta dikawal oleh kerajaan menerusi mekanisme tertentu (Banerjee, 2008).

Media baharu pula lebih bebas dan mempunyai karakter tertentu. Media baharu seperti Internet boleh digunakan untuk komunikasi sehalu dan pelbagai hala, tidak berpusat, memerlukan pelaburan yang rendah dan sumber manusia yang tidak ramai, menyediakan lebih peluang berinteraksi dengan sumber dan penyertaan publik susah dikawal (Banerjee, 2008).

Dengan senario ini, tidak mmenghairankan ia lebih popular dan lebih minati oleh masyarakat sivil. Orang ramai kini berasa bebas dan mempunyai peluang untuk menghasilkan berita mengikut sudut pandang sendiri tanpa terikat dengan sudut pandang kerajaan kerana mereka berpandangan media baharu ini lebih bebas (Rosenstiel, 2005).

Di Malaysia, memandangkan media arus perdana dianggap dikawal oleh kerajaan, maka media baharu menjadi popular dan diterima ramai, dengan harapan berlakunya

kebebasan maklumat. Contoh klasik era reformasi (dianggap sebagai era reformasi politik dan sistem demokratik dalam negara) yang mendedahkan keperluan menyebarkan maklumat dalam pergerakan pembaharuan yang mana akhirnya membawa kepada penubuhan parti baru iaitu Parti Keadilan Rakyat. Dengan pelaburan yang rendah, Internet menjadi wadah kepada penyebaran maklumat, terutama rakyat Malaysia yang dahagakan maklumat yang segar. (Tapsell, 2018). Dalam konteks media di Malaysia, terdapat perubahan yang besar dalam tempoh beberapa dekad. Ia bermula dengan kawalan media, yang mana media cetak perlu memperbaharui lesen tahunan manakala media penyiaran dikawal oleh kerajaan. Bagaimanapun, sejak 1980-an proses deregulasi dan liberalisasi mencorakkan landskap media. Hari ini, operasi media Malaysia terus dikawal kerajaan menerusi kaedah yang sama iaitu media arus perdana perlu mendapatkan lesen (sekarang permit dah tak perlu diperbaharui setiap tahun) dan kerajaan masih mengawal stesen penyiaran. Sebagai tambahan wujud radio komersial, stesen televisyen dan televisyen satelit beroperasi di negara ini. (Banerjee, 2008).

Perkembangan media baharu di Malaysia menjadi ekstensif, sehinggakan bekas Menteri Dalam Negeri, Tan Sri Hamid Albar menyatakan bahawa media berita Internet kini tidak lagi boleh dipanggil sebagai media alternatif. Kita tidak harus memanggilnya media alternatif tetapi media arus perdana kerana popularitinya mengalahkan media tradisional. Malah media arus perdana turut mengikuti mereka dengan menjadi lebih kritikal untuk tujuan meningkatkan jualan. (*New Straits Times*, October 22, 2008).

Metodologi

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif kerana teknik ini mampu mencungkil maklumat yang berguna daripada sumber. Teknik kualitatif merujuk kepada metodolgi pengumpulan data, termasuk kumpulan fokus, pemerhatian lapangan, temu bual mendalam dan kajian kes. Walaupun terdapat perbezaan, semua teknik berkenaan boleh diterima kerana data dekat dengan sumber (Wimmer & Dominick, 1987).

Untuk kajian ini, penyelidik memilih temu bual mendalam. Seperti dinyatakan Berger (1998), temu bual mendalam memberikan tumpuan terhadap isu berkaitan seperti perasaan yang tersimpan, serta sikap atau keyakinan responden. Kelebihan teknik ini seperti yang dinyatakan Berger (1998), dapat mengumpul maklumat secara tuntas dan memperoleh maklumat yang tidak didedahkan oleh responden. Tujuan temu bual mendalam ialah untuk mendapatkan fakta daripada mulut responden sendiri dan dapat menyalurkan maklumat bermakna dalam bentuk perkongsian pengalaman. Soalan terbuka dan berstruktur ditanyakan kepada responden dan temu bual itu mengambil masa antara 45 minit hingga 90 minit untuk selesai.

Industri Akhbar di Malaysia vis a vis media baharu

Akhbar arus perdana melalui fasa ketidaktentuan dan kegusaran pada penghujung tahun 1997, apabila akhbar atas talian dan laman web mula diperkenalkan yang mana semua ini diupayakan oleh Internet. Pada peringkat permulaan kemunculan media baharu ini membuatkan pemilik media tradisional bimbang kehilangan pembaca, iklan dan keuntungan. Dalam keadaan ini disifatkan berlaku 'cannibalisme' iaitu akhbar atas talian akan memakan pembaca, pengiklan dan keuntungan kerana mereka tidak perlu membeli akhbar dalam talian disebabkan ia percuma. Untuk mengatasi masalah berkenaan akhbar dalam talian akan dijadikan 'umpan'

untuk memikat pembaca membeli akhbar untuk mengetahui berita berkenaan. Namun strategi ini kurang berjaya, kerana tidak semua pembaca akan membeli akhbar kerana sudah membaca berita berkenaan di akhbar dalam talian. Wujud kebimbangan di sini, apabila media baharu itu menyalurkan maklumat lebih pantas, mempunyai warna menarik dan tanpa sempadan, ia memberi kesan kepada minda dan psikologi pembaca yang memilih media alternatif (Daud, 2008).

Di sebalik semua perkembangan ini, industri media Malaysia terus mendapat sambutan daripada para pengiklan. Kehadiran akhbar atas talian tidak memusnahkan akhbar tradisional, sebaliknya mereka saling mengukuhkan antara satu sama lain. Di sebalik semua perkembangan yang berlaku ini, akhbar di Malaysia masih menjadi pilihan kepada para pengiklan. Kehadiran akhbar atas talian tidak mengancam akhbar arus perdana. Kami berpendapat kehadiran Internet tidak mengubah landskap akhbar arus perdana. Begitu juga dengan radio dan televisyen. Format akhbar mungkin berubah, tetapi tidak akhbar. Reka letak akhbar mungkin berubah, tetapi kandungan berita tidak berubah. Bagaimanapun, ternyata terdapat kejatuhan dalam jumlah edaran akhbar, akibat daripada golongan muda menjauhkan diri daripada akhbar arus perdana dan media tradisional. Kejatuhan edaran akhbar di Malaysia berlaku berikutan isu kredibiliti kerana ada pembaca beranggapan akhbar bersikap pro-kerajaan dan bertindak menjadi alat propaganda. Masalah kredibiliti menjadi isu utama bagi akhbar arus perdana. Menurut Penasihat editorial Agensi Berita Nasional Malaysia (Bernama), Datuk Seri Azman Ujang tahap kebolehpercayaan terhadap media oleh pembaca akhbar arus perdana semakin merosot (The China Post, Ogos 2009). Sekarang wujud media arus perdana yang berjinak-jinak dengan media baharu walaupun mereka mempunyai akhbar. Namun, ini tidak bermakna akhbar atas talian seperti Malaysiakini dan The Malaysian Insider begitu mudah mendapat iklan. Pada peringkat permulaan mernang tidak mudah menjana pendapatan menerusi iklan atas talian, dan hanya bergantung iklan atas talian, kerana di Malaysia, kegiatan ini masih lagi berada pada peringkat 'bayi'. Tambahan pula, isu yang melingkari akhbar atas talian begitu banyak, termasuklah cabaran untuk mengekalkan pembaca dan kawalan terhadap kandungan seperti hyperlink dan plagiarism. Bagaimanapun, akhbar layak menerima pujian kerana membuat liputan terhadap isu setempat yang selama ini diabaikan oleh akhbar atas talian yang mementingkan seksyen politik. Jika terlepas seksyen pertama, seksyen Metro boleh dibaca untuk mengetahui perkembangan yang berlaku di bandar raya Kuala Lumpur. Internet adalah medium yang ideal untuk hiper rangkaian kandungan tempatan dan antarabangsa, nasib baik bagi akhbar dalam talian ia belum lagi popular. Hanya waktu yang menentukan (Yap, 2009).

Penyatuan Teknologi

Media tradisional telah bertapak sejak ratusan tahun lalu dan sistemnya sudah matang sejak ia diwujudkan. Syarikat media tradisional barat, telah menyebarkan pengaruhnya sejak bertahun yang lalu. Kebanyakan syarikat media ini sudah dimiliki oleh syarikat korporat yang besar, dan mereka sedang memperluaskan kepada beberapa syarikat media sahaja (Croteau & Hoynes, 2003).

Bagaimanapun, media baharu tidak mengambil masa yang lama seperti media tradisional untuk berkembang kerana ia muncul seiring dengan kemunculan teknologi TMK dan Internet. Penerimaan teknologi baharu dalam kalangan audien adalah lebih pantas. Bakker & Sadaba (2008) menyatakan bahawa Internet mencapai 50 juta pengguna dalam masa tujuh tahun, berbanding telefon yang mengambil masa 50 tahun dan televisyen 20 tahun.

Dengan kemunculan struktur dan pasaran baru, media baharu berubah menjadi media alternatif dan lebih berpengaruh daripada media tradisional. Yang menjadi revolusi ialah

kaedah bagaimana ia diterbitkan. Kebiasaannya media tradisional mempunyai satu saluran sahaja untuk menyalurkan kandungan. Teks dan gambar selalunya disampaikan kepada audien secara bercetak menerusi akhbar. Dengan melakukan transformasi isyarat, gambar bergerak disalurkan menerusi saluran seperti kabel atau satelit ke set televisyen, yang mana isyarat itu dikembalikan kepada gambar bergerak dan dipertontonkan kepada audien. Bagaimanapun, menerusi Internet, kaedah mencapai audien sudah diperluaskan, termasuk bila-bila masa, di mana saja dan pelbagai saluran. Apabila kandungan media didigitalkan, ia mudah untuk disalurkan dalam pelbagai platform sama ada menerusi komputer, laptop, telefon pintar dan permainan konsol – kaedah yang berbeza untuk mencapai audien. Masa tontonan juga menjadi fleksibel, terutama peranti sudah menjadi mudah alih..

Walaupun konglomerat media yang besar mempunyai strategi global untuk media tradisional mencapai pembaca dan pendengar serta penontonnya di dalam dan luar negara, serta kandungannya dijual pada peringkat antarabangsa, kos pengedaran yang tinggi menghadkan mereka untuk melakukan demikian. Sebaliknya, kos pengedaran menerusi Internet jauh lebih murah serta menjadikan pembaca akhbar tidak lagi terbahagi mengikut geografi negara. Bahkan media baharu boleh menarik minat pembaca kepada akhbar antarabangsa kerana mereka boleh mengakses maklumat dengan mudah.

Menerusi media baharu, proses mengedar dan mengemaskini berita menjadi lebih pantas dan mudah, berbanding akhbar bercetak yang selalunya menyiarkan berita yang berlaku semalam dan jika hendak dikemaskini dengan berita terkini, maka akhbar bercetak perlu menunggu masa keesokan harinya supaya berita berkenaan boleh dicetak. Menerusi Internet proses mengemas kini berita menjadi pantas, dan pembaca akhbar tidak lagi perlu menunggu masa yang lama untuk memperoleh berita. Mereka boleh menerimanya dalam masa nyata (real time).

Selain itu, Internet juga mengurangkan kos pengedaran, kerana proses digital memudahkan ia berita disebarkan ke seluruh dunia dengan harga lebih murah. Penyatuan teknologi memudahkannya berlaku, walaupun terdapat pelbagai tafsiran mengikut sarjana akademik disebabkan wujudnya media tradisional yang berbeza strategi perniagaan mereka mengikut teknologi. Pengkaji seperti Noll (2002) tidak mempunyai keyakinan terhadap penyatuan media serta berpendapat bahawa semuanya adalah satu ilusi. Bagaimanapun, pengkaji Lawson-Borders (2003) pula berpendapat proses penyatuan media tradisional bersama teknologi terus berjalan walaupun perkembangannya agak perlahan. Pavlik dan McIntosh (2004) menyifatkan penyatuan ini merangkumi media, komputer dan telekomunikasi. Pavlik (1998) menyatakan penyatuan ini beserta elektronik, format digital dipacu oleh komputer dan diupayakan oleh teknologi rangkaian.


Penyatuan tidak hanya merujuk kepada kepelbagaian multiplatform (Killebrew, 2002, p. 39), tetapi juga pengalaman yang menggabungkan pelbagai perspektif daripada media arus perdana, termasuk juga penerbitan, televisyen, filem, radio dan beberapa aspek media baharu. Penyatuan menjana kandungan media profesional daripada media tradisional dan mengedarkannya menggunakan kepelbagaian platform yang terdiri daripada Internet dan peranti elektronik. Lawson-Borders (2003) mencadangkan tujuh langkah yang perlu dilalui syarikat media bagi mencapai sasaran penyatuan secara lancar iaitu komunikasi, komitmen, kerjasama, pampasan, budaya, persaingan dan pelanggan. Secara dasarnya semua tujuh faktor itu perlu dimiliki syarikat media untuk berfungsi dalam konteks penyatuan, tetapi dalam masa yang sama perlu memerhatikan isu umum untuk menetapkan agar penyatuan dilaksanakan. Ia adalah idea yang meluas sekiranya syarikat media hendak mewujudkan penyatuan.

Teori Penentuan Teknologi

Mending Herbert Marshall McLuhan dianggap sebagai hero dalam era elektronik, terutama dengan mengetengahkan konsep Internet, World Wide Web dan perkampungan global. Beliau percaya media elektronik secara radikal mengubah manusia berfikir, merasai dan bertindak. Dia meramalkan manusia di tengah-tengah revolusi dan dunia ini tidak sama. Menurut McLuhan rekaan yang penting yang mengubah kehidupan di planet adalah huruf fonetik, mesin cetak dan telegraf. Abjad fonetik melonjakkan manusia ke fasa celik huruf.

Mesin cetak Gutenberg melancarkan Revolusi Industri. Ia membentuk peralatan dan dalam masa yang sama peralatan itu membentuk manusia. Penentuan Teknologi bermakna reka bentuk dalam teknologi menyebabkan perubahan budaya. Mod komunikasi memberntuk kewujudan manusia. Harold Innis, anak murid McLuhan mencadangkan komunikasi adalah sambungan daripada deria manusia dan ini digambarkan dalam gangguan budaya. McLuhan mendakwa saluran komunikasi adalah unsur utama yang berlaku dalam perubahan budaya. Kehidupan berkeluarga, tempat kerja, sekolah, penjagaan kesihatan, keakraban rakan, agama, rekreasi dan politik semula mendapat sentuhan teknologi komunikasi. McLuhan berpandangan setiap inovasi media adalah sambungan bagi deria manusia. Buku adalah sambungan deria mata, roda adalah lanjutan daripada kaki. Pakaian adalah lanjutan bagi kulit. Sirkuit elektronik atau komputer adalah lanjutan daripada sistem saraf manusia. McLuhan memberikan definisi bahawa media meningkatkan intensiti deria dengan memperluaskan fungsinya.

Kerangka Kajian



Kesan media baharu berbanding media tradisional terhadap proses pengumpulan berita dan penerbitan berita.


Kesan Media Baharu terhadap Pengumpulan Berita Media Tradisional

Beaumont dilatih sebagai wartawan sebelum waktu kemunculan World Wide Web, seperti profesion yang lain dia sudah menggabungkan teknologi terkini bersama teknik pengumpulan berita seperti yang telah muncul. Membuat liputan di Kaherah ketika isu pemberontakan tentera terhadap Presiden Mesir, Mohd Morsi. Capaian Internet dihalang untuk memastikan maklumat tidak tersebar. (Krotoski, 2011)

Kesan penggunaan laman web terhadap pelaporan berita adalah bukti nyata membabitkan revolusi teknologi, editor berita dalam kes kes tertentu, kerajaan tidak lagi bertindak sebagai pengampang bagi maklumat berkenaan kerana kos pendedaran lebih murah. Jika ilmu adalah kuasa laman web adalah peralatan yang terhebat dalam sejarah dunia

(Krotoski, 2011). Berdasarkan tulisan Krotoski dalam penulisan beliau di akhbar Guardian, beliau berkongsi bagaimana proses pengumpulan berita sedang mengalami revolusi. Editor Bersekutu, Berita dan Digital Berita Harian Encik Zainudin Mohd Isa and Pengarang Eksekutif Berita Harian Datuk Ahmad Zaini Kamaruzzaman kedua-duanya sependapat bahawa media baharu menyebabkan edaran akhbar merosot tetapi dalam masa yang sama mempercepatkan proses pengumpulan dan penyebaran berita. Kerja pengumpulan berita menjadi pantas termasuk memperbaiki proses rantai pengumpulan berita. Sebelum kehadiran media sosial para wartawan terpaksa menunggu lama termasuk balik ke pejabat untuk melaporkan berita. Pembaca hanya mengetahui berita berkenaan keesokan harinya. Dengan kemunculan media baharu aliran untuk pengumpulan berita menjadi lebih pantas. Kerja wartawan menjadi lebih pantas dan ia mempercepatkan proses pengumpulan berita dan juga aliran kerja. Sebelum adanya media sosial, berita terkini atau liputan sidang media memerlukan menyudahkan acara berkenaan sebelum proses menaip berita dilakukan di pejabat. Bagi yang membuat liputan di luar Kuala Lumpur proses memasukkan berita mejadi lebih susah, wartawan yang bertugas perlu menalipon pejabat dan ada seorang wartawan yang bertugas untuk memasukkan berita. Keadaan lebih sukar kalau tidak ada talian telefon publik maka wartawan perlu kembali ke pejabat untuk memasukkan berita, sebelum disemak oleh editor dan terbit keesokan harinya. Dengan kemunculan media baharu proses pengumpulan berita menjadi lebih pantas, dengan bantuan aplikasi whatsapp segalanya menjadi mudah. Wartawan kini boleh menghantar cerita pada masa sebenar berserta gambar dan video dalam masa sebenar. Kemudian editor boleh memproses berita berkenaan dan dimuat naik dalam aplikasi sosial seperti Twitter, Instagram dan Facebook.

Aliran Kerja dalam Pengumpulan Berita



Aliran berita ketika ada berita terkini

Carta diatas menunjukkan bagaimana pengeluaran berita jika berlakunya berita terkini atau sidang media secara live (disaksikan dalam FB). Ia menunjukkan bagaimana proses pengumpulan berita berlaku, bagaimana ia dikemaskini dalam media sosial, web Berita Harian dan Perkhidmatan Pesanan Ringkas BH.

Kesan Media Baharu terhadap Penerbitan Akhbar

Akhbar bercetak wujud sejak tahun 1880-an dengan memainkan peranan penting terhadap komunikasi publik sebagai bahan rujukan maklumat di seluruh dunia. Akhbar pertama dicetak di Malaysia pada tahun 1805, Prince of Wales Island Gazette beroperasi di Pulau Pinang. Namun ia mula mengalami penurunan sejak media sosial diperkenalkan. Model perniagaan dahulu tidak boleh diguna pakai lagi sekarang. Akhbar bercetak tidak lagi mendapat sambutan dan merosot edarannya. Generasi Milenium dan Y tidak lagi membaca akhbar bercetak sebaliknya memabaca akhbar menggunakan telefon pintar. Mereka tiada pilihan lagi, akhbar dalam talian dan media sosial lebih berkesan dalam menyalurkan berita. Mengapa mereka perlu membeli akhbar bercetak sedangkan mereka boleh membaca berita berkenaan secara percuma menerusi telefon pintar. BH mula menggunakan media baharu bagi menggantikan akhbar tradisional. Sekarang BH memberikan tumpuan kepada media digital untuk mengatasi masalah berkenaan. Ia menekankan slogan ‘digital first, print later’, segala berita akan dikemas kini menggunakan media baharu. Yang mana wartawan yang bertugas di lapangan akan mengemas kini berita di perkhidmatan pesanan ringkas, diikuti Twitter, Instagram dan Facebook untuk berita terkini dan akhirnya berita itu akan disiarkan dalam akhbar tradisional keesokan harinya. Mereka juga memanfaatkan platform digital seperti online TV dan YouTube Live bagi memberikan lebih banyak maklumat kepada penonton.

Penggunaan media baharu dalam kalangan wartawan

Penggunaan media baharu agak popular dalam kalangan wartawan sekarang kerana ia dapat membantu mereka mempercepatkan proses pengumpulan berita. Penggunaan aplikasi whatsapp amat popular dalam kalangan wartawan yang bertugas di biro negeri. Dengan penggunaan aplikasi itu segala berita dapat dikumpulkan dan disebarkan dengan pantas. Tiada lagi istilah ‘esok hari’ sebaliknya ‘sekarang’ atau ‘real time’ menjadi istilah penting. Segalanya dilakukan dengan pantas. Sebelum ini apa yang berlaku hari ini dapat diikuti keesokan harinya tetapi sekarang tidak lagi. Wartawan akan memastikan berita hari ini disiarkan sekarang. Dengan adanya media baharu wartawan sekarang perlu mempunyai kemahiran pelbagai tugas. Mereka perlu cekap menulis berita, melakukan stand-upper di tempat kejadian. Teknologi telefon pintar yang semakin canggih sudah mempunyai kamera di bhagian hadapan dan belakang yang mana ini memudahkan wartawan melakukan stand-upper dan merakamkan rakaman vide. Telefon pintar menjadi peralatan berharga bagi wartawan.

Kesimpulan

Mudah untuk diakses dan boleh diperoleh secara percuma menjadi sebab mengapa generasi Milenium dan Y enggan membeli akhbar bercetak. Ia bukan bermakna ini adalah penamat bagi akhbar bercetak tetapi syarikat akhbar beradaptasi untuk memastikan kelangsungan syarikat dengan perubahan pengguna. Organisasi perlu melakukan adaptasi bagi memenuhi keperluan generasi muda yang mahukan segalanya cepat. Kredibiliti media baharu boleh dilihat sebelum

dan sesudah Pilihanraya Umum ke 13 iaitu pada 2008, yang mana pada anggapan penonton media tradisional kerajaan (ketika itu Barisan Nasional) berat sebelah. Kecenderungan media tradisional lebih memihak kepada kerajaan akhirnya menumbangkan kerajaan BN pada Pilihanraya Umum ke 14 (Bridget Walsh, 2018). Ini adalah kekalahan pertama sejak berkuasa sejak negara mencapai kemerdekaan. Pada hakikatnya sekarang ini adalah era penyatuan media yang mana garis pemisah antara media tradisional dan media baharu dilihat semakin tipis (Banerjee, 2008). Di sebalik perbezaan media tradisional dan media baharu, kedua-duanya saling melengkapi.

Rujukan

- Alejandro, J. (2010). *Journalism in the Age of Social Media*. Thomson Reuters Foundation. Retrieved from: <https://reutersinstitute.politics.ox.ac.uk/our-research/journalism-age-social-media>
- Ali Salman. (2011). *The impact of new media on mainstream mass media. The Innovation Journal: The Public Sector Innovation Journal*, Vol. 16(3), 2011, article 7
- Azzam Syafiq. (2017). *Fake News Or Not, More M'sians Turning To Online News, So How Will Newspapers Keep Up?*. Retrieved from <http://www.malaysiandigest.com/frontpage/282-main-tile/666706-fake-news-or-not-more-m-sians-turning-to-online-news-so-how-will-newspapers-keep-up.html>
- Banerjee, I. (2008). *"The Impact of New Media on Traditional Mainstream Mass Media – A Critical Assessment."* A Series of Lectures on Trends & Future of the Malaysian Mass Media. Presented at Dewan Tunku Canselor, University of Malaya Kuala Lumpur.
- Bennett, W. L. (2003). *"New Media Power: The Internet and Global Activism."* Pp. 17-37 in *Contesting Media Power: Alternative Media Power in a Networked World*, edited by N. Couldry & J. Curran. Lanham, MD: Rowman and Littlefield. Brydon.
- Barthelemy, S., M. Bethell, T. Christiansen, A. Jarsvall & K. Koinis. (2011). *"The Future of Print Media."* Capstone Report. Retrieved 9 December, 2011 from www.sipa.columbia.edu/academics/workshops/documents/WorldNewsmediaInnovationsStudy-CapstoneWorkshopSpring2011-ABRIDGED.pdf
- Bakker, P., & Sadaba, C. (2008). *The impact of the Internet on users*. In L. Kung, R. G. Picard, & R. Towse (Eds.), *The Internet and the Mass media*. Los Angeles: SAGE.
- Burns, M. (2008). *Multi-format means multiple headaches*. AV Magazine, 27-28.
- Citizen Reporter. (2017). *FEATURE : How new media affects journalism–2*. Retrieved from <http://www.thecitizen.co.tz/News/FEATURE---How-new-media-affects-journalism-2/1840340-4065570-blbum8/index.html>.
- Cohen D, Crabtree B. (2006). *Qualitative Research Guidelines Project*. Robert Wood Johnson Foundation.
- Creeber, G. & R. Martin. (2009). *Digital Cultures: Understanding New Media*. Berkshire, England: McGraw-Hill.

- Croteau, D. & Hoynes, W. (2003). *Media society: Industries, images, and audiences*. California: Pine Forge Press.
- D. (2011). "Transnational Literacies: Redefining Knowledge Mobility for the Digital Age." *Literary Migrations*. Retrieved August 17, 2011 from: <https://dianabrydon.wordpress.com/>
- Daud, N. M. (2008). "Trends & Future of the Malaysian Mass Media." A Series of Lectures on Trends & Future of the Malaysian Mass Media, presented at Dewan Tunku Canselor, University of Malaya Kuala Lumpur.
- Doyle, G. (2010). *From television to multi-platform: Less from more or more for less?* *Convergence: The Journal of Research into New Media Technologies*, 16(4), 431- 449. doi:10.1177/1354856510375145
- Gilbert, C. (2002). "Newspapers Lose Web War: Interview with Prof. Clark Gilbert." Retrieved October 30, 2010 at: <http://hbswk.hbs.edu/archive/2738.html>.
- Hlongoane, K. (2012). *The Effects of Online Newspapers on The Printed Version*. Retrieved from: http://www.academia.edu/6146260/THE_EFFECTS_OF_ONLINE_NEWSPAPER_S_ON_THE_PRINTED_VERSION
- Killebrew, K. C. (2002). *Culture, creativity and convergence: Managing journalists in a changing information workplace*. *JMM: The International Journal on Media Management*, 5(1), 39-46.
- Kirchhoff, S. M. (2009). *The U.S. newspaper industry in transition*. *Journal of Current Issues in Media Telecommunications*, 2(1), 27-51.
- Lavanya Rajendran and Preethi Thesinghraj. (2014). *Middle-East Journal of Scientific Research* 22 (4): 609-616, 2014 ISSN 1990-9233. IDOSI Publication.
- Lawson-Borders, G. (2003). *Integrating new media and old media: Seven observations of convergence as a strategy for best practices in media organizations*. *The International Journal on Media Management*, 5, 91-99.
- Mahmud, S. (2009). "Is the newspaper industry at death's door?" Retrieved October 30, 2009 from: www.mysinchew.com/node/24415?tid=14. *Straits Times*. 22 October, 2008.
- N.A. (2008). *Newspaper readership drops sharply on GE backlash*. Retrieved from <http://www.theedgemarkets.com/article/newspaper-readership-drops-sharply-ge-backlash>
- Noll, M. A. (2002). *The myth of convergence*. *JMM: The International Journal on Media management*, 5(1), 12-13.
- Pavlik, J. V. (1998). *New media technology: Cultural and commercial perspectives*. Boston: Allyn and Bacon.
- Rosenstiel, T. (2005). "Political Polling and the New Media Culture: A Case of more being Less." *Public Opinion Quarterly*, 6(9): 698-715.
- Shirky, C. (2008). *Here comes everybody: The power of organizing without organizations*. New York: The Penguin Press.

Tapsell, R., *New Media, Old Rule* in Malaysia dalam Greg, L. Dan Welsh, B (2018) *Regime Resilience in Malaysia and Singapore* , Petaling Jaya: SIRD

Welsh, B , (2018) *The End Of Umno*, Petaling Jaya : SIRD

Yap, B. (2009). “*Time running out for newspapers.*” The Malaysian Insider. Retrieved October 31, 2010 from www.themalaysianinsider.com/index.php/opinion/brianyap/28538-time-running-out-for-newspapers.

Yapp, E. (2008). “*Malaysia's New Media Gains Credibility Post-Election.*” Malaysia Explorer, March 16.

<http://abcm.org.my/report/latest-audit-reports-july-to-december-2017/>

<http://abcm.org.my/report/latest-audit-reports-january-to-june-2016/>